

Peranan Ibu Bapa Memantapkan Anak dalam Memahami Akidah Islam: Tinjauan di Daerah Pasir Mas, Kelantan

*The Role of Parents in Strengthening Children's Understanding of Islamic Aqidah:
A Survey in Pasir Mas District, Kelantan*

Muhammad Akiff bin Mohamad* & Muhammad Hasbi bin Abdul Rahman

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti
Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: muhammadakiff02@gmail.com

Received: 21 September 2025; **Revision:** 15 October 2025 **Accepted:** 16 October 2025; **Published:** 10 November 2025

To cite this article (APA): Mohamad, M. A., & Abdul Rahman, M. H. (2025). Peranan Ibu Bapa Memantapkan Anak dalam Memahami Akidah Islam: Tinjauan di Daerah Pasir Mas, Kelantan. *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 3(2), 65-72. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol3.2.6.2025>

Abstrak

Ibu bapa mempunyai peranan yang sangat penting dalam mendidik anak untuk memahami dan menghayati akidah Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penyertaan ibu bapa dalam program pengajian berkaitan akidah di masjid atau pusat pengajian dan di atas talian, mengenal pasti pendekatan ibu bapa dalam memantapkan kefahaman akidah, dan menganalisis kefahaman ibu bapa terhadap cabaran dunia dalam mendidik anak. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan kaedah kuantitatif. Seramai 100 orang responden telah dipilih secara rawak mudah dalam kalangan ibu bapa di Daerah Pasir Mas, Kelantan. Data yang dikumpul telah dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Hasil dapatan kajian menunjukkan purata min tinggi bagi konstruk penyertaan responden dalam program-program pengajian berkaitan akidah di masjid atau pusat pengajian (min= 3.68), dan penyertaan dalam program pengajian berkaitan akidah di atas talian (*online*) (min=3.88). Dapatan juga menunjukkan purata min sangat tinggi bagi konstruk pendekatan responden dalam memantapkan anak memahami akidah Islam (min= 4.39), dan kefahaman responden mendidik anak dalam menghadapi cabaran dunia semasa (min= 4.05). Implikasi kajian menunjukkan penyertaan program pengajian berkaitan akidah Islam telah memberikan kesan positif dengan mendorong pendekatan yang efektif dalam mendidik anak memahami akidah Islam dan memahami cabaran dunia semasa. Keperluan golongan ibu dan bapa mendapat pendedahan dalam penggunaan teknologi komunikasi terkini seperti kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dan sebagainya.

Kata Kunci: Akidah, Peranan Ibu Bapa, Anak, Cabaran Kontemporari, Daerah Pasir Mas Kelantan

Abstract

Parents play a pivotal role in educating their children to comprehend and internalize Islamic faith (*aqidah*). This study aims to identify the level of parental participation in *aqidah*-related learning programs conducted at mosques, educational centers, and through online platforms; to examine the approaches employed by parents in strengthening their children's understanding of *aqidah*; and to analyze parents' knowledge of contemporary global challenges in educating their children. The study adopted a survey research design with a quantitative approach. One hundred respondents were selected through simple random sampling among parents in the Pasir Mas District, Kelantan. Data were analyzed descriptively using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS). The findings revealed a high mean score for parental participation in *aqidah*-related learning programs at mosques or educational centers ($M = 3.68$) and online learning programs ($M = 3.88$). The results also indicated a very high mean score for parental approaches in strengthening their children's understanding of Islamic faith ($M = 4.39$) and parents' awareness in guiding their children to face contemporary challenges ($M = 4.05$). The study's implications suggest that participation in *aqidah*-related learning programs has positively impacted parents, encouraging more effective approaches in educating children to comprehend Islamic faith and current global challenges. The study also underscores the need for parents to be exposed to modern communication technologies, such as artificial intelligence (AI), to enhance their effectiveness in religious education.

Keywords: Islamic '*aqidah*', parental role, contemporary challenges, Pasir Mas District, Kelantan

Pendahuluan

Akidah merupakan asas yang paling penting dalam kehidupan seorang Muslim. Ia menjadi tunjang keimanan serta penentu penerimaan sesuatu amalan di sisi Allah SWT. Akidah yang mantap berperanan sebagai benteng yang kukuh dalam melindungi individu Muslim daripada segala bentuk kemungkaran, syirik, penyelewengan, dan keraguan yang sering menyerang pemikiran manusia, khususnya pada era akhir zaman ini. Sebaliknya, kelemahan dalam kefahaman akidah boleh menyebabkan seseorang mudah terdedah kepada pelbagai bentuk penyimpangan, kehilangan jati diri, serta tercabut daripada landasan akhlak mulia sebagai seorang Muslim. Menyedari betapa besar dan pentingnya keteguhan akidah dalam membina seorang Muslim, maka keperluan mendidik memahami akidah di peringkat awal perkembangan anak. Kesenambungan ini diteruskan dalam pendidikan formal di sekolah dan memerlukan pendekatan pendidikan akidah yang berterusan hingga akhir hayat seorang Muslim. Asas-asas akidah ini telah diterapkan dalam kurikulum pendidikan Islam secara berperingkat. Namun begitu usaha memberikan pendidikan dan kefahaman akidah ini bukanlah terletak kepada guru dan institusi pendidikan dalam negara sahaja. Semua pihak yang terlibat perlu memainkan peranan masing-masing demi memberikan kefahaman dan keteguhan akidah yang mantap kepada anak-anak pelajar. Oleh itu sebagai guru pertama kepada anak-anak yang mempunyai masa yang lebih lama untuk bersama anak-anak, ibu bapa mempunyai peranan yang penting bagi memberikan pendedahan serta meneguhkan kefahaman akidah dalam diri anak-anak. Justeru itu dalam kajian ini akan lebih menfokuskan tentang peranan-peranan ibu bapa dalam memantapkan kefahaman akidah serta cabaran pemikiran semasa terhadap kefahaman akidah.

Latar Belakang Kajian

Memahami akidah Islam merupakan suatu perkara fundamental dalam pendidikan Islam. Pengajaran dan pembelajaran mengenai akidah dititik beratkan dan diberikan pendedahan secara berperingkat dalam kurikulum Pendidikan Islam di bawah sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (Mohamad Maliki Ali, 2018). Akidah dari segi bahasa berasal daripada kalimah ‘aqada, ya’qidu’ yang membawa maksud ikatan atau simpulan yang kuat dan teguh seperti tali. Di dalam al-Quran (Abdul Mukti, 2017), terdapat beberapa ayat yang menggunakan kalimah ‘aqada seperti dalam surah al-Maidah ayat 89:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّعْنَةِ فِي أَيِّمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَّدْتُمُ الْأَيْمَانَ

Terjemahan: “Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah oleh-Nya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh.”

Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman:

وَلِكُلٍّ جَعَلْنَا مَوَالِي مِمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلَّذِينَ عَقَدْتَ أَيْمَانُكُمْ فَأْتَوْهُمْ نَصِيْبُهُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدًا

Terjemahan: “Dan bagi tiap-tiap (lelaki dan perempuan yang telah mati), kami telah tetapkan orang-orang yang berhak mewarisi peninggalannya iaitu ibu bapa dan kerabat yang dekat. Dan mana-mana orang yang kamu telah membuat ikatan setia dengan mereka (untuk bantu-membantu dalam masa kecemasan dan kesusahan) maka berikanlah kepada mereka bahagiannya. Sesungguhnya Allah sentiasa menyaksikan tiap-tiap sesuatu.”

(Surah An-Nisa’ 33)

Dalam surah al-Maidah ayat 1, Allah SWT telah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ أُحِلَّتْ لَكُمْ بَهِيمَةُ الْأَنْعَامِ إِلَّا مَا يُنْتَلَىٰ عَلَيْكُمْ غَيْرَ مُحِلِّي الصَّيْدِ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula bererti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa yang Ia kehendaki.”

Berdasarkan ayat-ayat di atas menunjukkan kalimah ‘aqada yang merujuk kepada satu ikatan atau simpulan. Makna kepada perkara yang berbentuk fizikal adalah seperti tali yang tersimpul dan kuat. Manakala makna dari sudut maknawi pula yang melahirkan perkataan akidah yang digunakan khusus kepada ideologi atau kepercayaan. Maka dengan itu jelaslah dari sudut bahasa akidah bermaksud ikatan atau simpulan yang teguh dan kemas. Namun dari sudut istilah akidah adalah suatu keyakinan yang pasti dan tidak disertai dengan sebarang keraguan. Ia adalah kepercayaan yang berakar umbi dalam hati mengenai hakikat-hakikat keimanan yang bersumberkan wahyu (Zakaria Stapa, 2001).

Menurut Abu Bakr Jabir al-Jaza'iri (t.th), akidah Islam dapat difahami dengan suatu himpunan pernyataan-pernyataan benar yang bersifat *badihi* (terbukti kebenarannya tanpa perlu dibuktikan), diterima (kebenaran) melalui penggunaan akal yang waras, bersumber wahyu dan fitrah (manusia); manusia seterusnya menyimpulkan secara kemas dalam hatinya disemat secara kemas dalam jiwa raganya dalam keadaan ia memutuskan secara *jazm* (pasti) kesahihannya, menerima secara putus kewujudan dan *thabit*. Seseorang Muslim tidak akan berpandangan dengan sebaliknya adalah *sahih* ataupun wujud.

Memahami akidah yang betul adalah sangat penting kerana ianya berkait dengan penerimaan amal serta menjadi benteng diri daripada fahaman-fahaman yang menyeleweng pada hari ini. Menurut Masithoh (2019), kefahaman yang jelas dan benar tentang akidah bukan sahaja membentuk asas keIslaman individu, tetapi juga menjadi benteng dalam menghadapi cabaran pemikiran dan kerosakan moral yang berlaku dalam Masyarakat. Amalan tanpa akidah yang betul tidak diterima oleh Allah. Maka, memahami akidah yang sahih adalah syarat utama sebelum ibadah dan amal dilakukan. Akidah yang kukuh juga dapat membentuk peribadi muslim yang baik. Menurut Ahmad (2017), kefahaman akidah yang sahih akan melahirkan individu yang memiliki hala tuju hidup yang jelas, berakhlak mulia dan mampu membezakan antara yang hak dan batil. Hal ini adalah sangat penting dalam dunia hari ini yang dipenuhi dengan pelbagai ideologi dan pemikiran kontemporari yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti sekularisme, hedonisme, liberalisme dan sebagainya. Ini juga menunjukkan kefahaman akidah yang betul dapat mencegah gejala ajaran sesat dan pemikiran yang menyimpang pada zaman kontemporari ini.

Oleh itu, ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memantapkan kefahaman akidah Islam di rumah yang menjadi tempat utama pendidikan anak-anak. Kajian Hamjah et al. (2020) menunjukkan bahawa ibu bapa yang menekankan pendidikan kerohanian dalam gaya keibubapaan mereka seperti solat jemaah bersama, membaca al-Quran bersama serta meluangkan membaca sirah nabawiyah kepada anak-anak dapat melahirkan generasi yang lebih berakhlak dan kukuh akidahnya. Namun begitu terdapat beberapa isu yang menjadi kesukaran kepada ibu bapa untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab memberikan pendidikan asas akidah kepada anak-anak. Antaranya ialah ibu bapa tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai asas akidah serta kurang mengikuti pengajian akidah untuk mendapatkan input yang lebih mendalam. Selain itu, ibu bapa juga tidak mempunyai kesempatan untuk meluangkan masa bersama anak-anak atas faktor kesibukan bekerja sehingga kurangnya pemantauan dan menilai perkembangan anak-anak sendiri. Hal ini secara tidak langsung membuka ruang kepada anak-anak untuk terdedah dengan unsur-unsur luar daripada perkembangan internet dan teknologi. Dalam masa yang sama, pengaruh pemikiran semasa seperti hedonisme yang turut memberi kesan kepada anak-anak.

Abdullah dan Ismail (2022) menegaskan bahawa ibu bapa perlu berperanan lebih aktif dalam memantau pengaruh digital terhadap anak-anak agar mereka tidak terjebak dengan fahaman dan gaya hidup yang bertentangan dengan prinsip akidah Islam. konsep keibubapaan dalam Islam adalah konsep pendidikan yang bertumpu pada kesedaran vertikal (*hablum minallah*) dan menjadikan ketakwaan sebagai landasan hubungan horizontal (*hablum minannas*) untuk mewujudkan matlamat keibubapaan. Adapun keberhasilan peranan ibu bapa dalam mendidik remaja terhasil daripada kesedaran mereka akan konsep keibubapaan Islam yang meliputi seluruh aspek kehidupan (Syah Rizal dan Hamdi Ishak, 2016).

Permasalahan Kajian

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini telah membawa pelbagai perubahan dalam gaya hidup masyarakat Islam. Walaupun kemajuan ini memberi manfaat dari segi akses maklumat, pembelajaran dan komunikasi, namun ia juga menjadi satu cabaran besar terhadap pembentukan akidah umat Islam, khususnya dalam kalangan generasi muda. Perkembangan pesat media sosial, internet dan pelbagai bentuk hiburan digital telah membuka ruang yang luas kepada pendedahan idea dan pemikiran asing yang boleh menggugat keutuhan pegangan akidah (Abd Hadi Borham, 2015). Melalui platform digital, fahaman seperti liberalisme, pluralisme dan sekularisme disebarkan secara halus dan berupaya menimbulkan kekeliruan terhadap kebenaran ajaran Islam dengan menyamakan semua agama sebagai setara. Fenomena ini secara tidak langsung melemahkan kefahaman serta keyakinan terhadap prinsip-prinsip asas Islam.

Selain itu, kesibukan ibu bapa dalam urusan kerjaya menyebabkan pendidikan akidah di rumah semakin terabai. Tanggungjawab mendidik anak-anak dalam aspek keagamaan sering diserahkan sepenuhnya kepada pihak sekolah atau institusi formal, sedangkan asas pendidikan akidah sepatutnya bermula di peringkat keluarga. Kajian oleh Shamilatul Sufia dan A'dawiyah Ismail (2022) menunjukkan bahawa para ibu berasa bimbang terhadap kesan penggunaan peranti digital terhadap akidah dan akhlak anak-anak. Walaupun peranti digital mempunyai nilai positif dalam pembelajaran, ia juga mendedahkan anak-anak kepada pelbagai unsur negatif jika tiada kawalan yang berkesan. Dapatan kajian tersebut menegaskan bahawa peranan ibu amat penting dalam memberikan pendedahan pembelajaran akidah serta membentuk akhlak anak-anak agar mereka mampu berhadapan dengan cabaran dunia digital secara berhemah. Kajian Ahmad Nadzim, Noraziah dan Mohd Nizam (2016) turut menegaskan bahawa pendidikan akidah yang mantap dapat melahirkan amalan akhlak terpuji dalam kalangan anak-anak meskipun ibu bapa berdepan pelbagai cabaran dalam era sains dan teknologi. Berdasarkan dapatan kajian-kajian tersebut, dapat dirumuskan bahawa permasalahan utama yang perlu ditangani ialah bagaimana ibu bapa, khususnya para ibu, dapat memainkan peranan yang efektif dalam mendidik serta memelihara akidah anak-anak di tengah-tengah arus teknologi komunikasi yang semakin mencabar ini.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Menenal pasti tahap penyertaan responden di masjid atau pusat pengajian dan medium atas talian (*online*) dalam program pengajian berkaitan akidah.
2. Menenal pasti pendekatan responden dalam memantapkan kefahaman akidah anak.
3. Menganalisis kefahaman responden berkaitan cabaran pemikiran semasa dalam usaha mendidik anak.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan kaedah kuantitatif. Kajian ini dijalankan di Daerah Pasir Mas, Kelantan. Responden kajian terdiri daripada golongan ibu bapa kepada murid-

murid sekolah menengah yang tinggal di daerah Pasir Mas, Kelantan. Seramai 100 orang responden telah dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Data kajian telah dikutip dengan menggunakan soal selidik. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Science* (SPSS) untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan nilai min. Analisis deskriptif juga menggunakan interpretasi skor min sepertimana dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 - 1.50	Sangat Rendah
1.51- 2.50	Rendah
2.51- 3.50	Sederhana
3.51- 4.50	Tinggi
4.51-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Mohd Asri Harun et al. (2016)

Kaedah analisis data menggunakan min dan peratus untuk mengira hasil dapatan. Huraian analisis deskriptif dalam kajian ini menggunakan interpretasi min. Semakin tinggi nilai min, maka semakin tinggi interpretasi bagi sesuatu isu yang dikaji, seperti dinyatakan dalam Jadual 1.

Hasil Kajian dan Perbincangan

(a) Demografi Responden

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden terdiri daripada lelaki iaitu seramai 55 orang (55 peratus), dan responden perempuan iaitu seramai 45 orang (45 peratus).

Jadual 2: Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	55	55
Perempuan	45	45
Jumlah	100	100

Berdasarkan Jadual 2, perbezaan peratus responden lelaki dan perempuan sebanyak 0.5 peratus dan masih mewakili jantina dalam pandangan kajian tinjauan. Jadual 3 menunjukkan dapatan umur responden kajian. Seramai 55 orang responden (55 peratus) berumur 24 hingga 30 tahun, kategori umur 41 hingga 50 tahun iaitu seramai 16 orang (16 peratus). Seterusnya responden yang berumur 31 hingga 40 tahun iaitu seramai 11 orang (11 peratus) dan responden berusia 51 hingga 59 tahun iaitu seramai 10 orang (10 peratus), dan responden berumur 60 tahun ke atas iaitu seramai 8 orang (8 peratus)

Jadual 3: Umur Responden

Umur	Kekerapan	Peratus
24-30	55	55
31-40	11	11
41-50	16	16
51-59	10	10
60 ke atas	8	8
Jumlah	100	100

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian berkaitan latar belakang pendidikan responden. Seramai 66 orang responden (66 peratus) mempunyai pendidikan di tahap ijazah sarjana muda, 18 orang (18 peratus) di tahap pendidikan Sijil Pendidikan Malaysia (SPM), 11 orang responden (11 peratus) mempunyai pendidikan di peringkat diploma, 4 orang responden (4 peratus) mempunyai tahap pendidikan diperingkat ijazah sarjana, dan seorang responden (1 peratus) mempunyai pendidikan di peringkat doktor falsafah.

Jadual 4: Latar Belakang Pendidikan

Tahap Pendidikan	Kekerapan	Peratus
SPM	18 (18%)	18
Diploma	11 (11%)	11
Ijazah Sarjana Muda	66 (66%)	66
Ijazah Sarjana	4 (4%)	4
Doktor Falsafah (PhD)	1 (1%)	1
Jumlah	100	100

Jadual 5 menunjukkan berkaitan pekerjaan responden. Seramai 64 orang responden (64 peratus) bekerja di sektor kerajaan, 24 orang responden (24 peratus) bekerja di syarikat swasta, 12 orang responden (12 peratus) bekerja sendiri.

Jadual 5: Pekerjaan Responden

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus
Penjawat Awam	64	64
Sendiri	12	12
Swasta	24	24
Jumlah	100	100

(b) Penyertaan Responden Mengikuti Program Pengajian Berkaitan Akidah di Masjid atau Pusat Pengajian

Berdasarkan Jadual 6, penyertaan responden mengikuti pengajian akidah di masjid atau pusat pengajian di purata min tinggi iaitu 3.68 (sederhana = 3.51-4.50). Item-item yang mempunyai nilai min tinggi ialah item (B6) “Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada hari kiamat di masjid atau pusat pengajian (min = 3.76),” item (B4) “Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada rasul di masjid atau pusat pengajian (min = 3.75),” item (B1) “Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada Allah di masjid atau pusat pengajian (min = 3.72),” item (B5) “Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada qada’ dan qadar di masjid atau pusat pengajian (min = 3.64),” item (B3) “Saya mengikuti pengajian aqidah

mengenai keimanan kepada kitab-kitab di masjid atau pusat pengajian (min = 3.63);” dan item (B2) “Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada malaikat di masjid atau pusat pengajian (min = 3.60).” Secara keseluruhan, responden menunjukkan minat dan komitmen yang tinggi dalam mengikuti program pengajian berkaitan akidah terutamanya topik yang mempunyai nilai min 3.70 ke atas iaitu topik hari kiamat, keimanan kepada rasul dan keimanan kepada Allah. Terdapat variasi kecil antara item namun keseluruhan kekerapan responden mengikuti program pengajian berkaitan akidah adalah konsisten.

Jadual 6: Tahap Penyertaan Responden Menyertai Program Pengajian Berkaitan Akidah

No.	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
B1	Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada Allah di masjid atau pusat pengajian.	3 (3%)	13 (13%)	14 (14%)	49 (49%)	21 (21%)	3.72
B2	Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada malaikat di masjid atau pusat pengajian.	3 (3%)	16 (16%)	18 (18%)	44 (44%)	19 (19%)	3.60
B3	Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada kitab-kitab di masjid atau pusat pengajian.	5 (5%)	15 (15%)	12 (12%)	48 (48%)	20 (20%)	3.63
B4	Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada rasul di masjid atau pusat pengajian.	4 (4%)	13 (13%)	10 (10%)	50 (50%)	23 (23%)	3.75
B5	Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada qada dan qadar di masjid atau pusat pengajian.	3 (3%)	17 (17%)	15 (15%)	43 (43%)	22 (22%)	3.64
B6	Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada hari kiamat di masjid atau pusat pengajian.	3 (3%)	13 (13%)	13 (13%)	47 (47%)	24 (24%)	3.76

Purata min = 3.68

(c) Penyertaan Responden Mengikuti Program Pengajian Berkaitan Akidah di atas Talian (*online*)

Berdasarkan Jadual 7, penyertaan responden mengikuti pengajian akidah di atas talian (*online*) di tahap purata min tinggi iaitu 3.88 (sederhana = 3.51-4.50). Item-item yang mempunyai nilai min tinggi ialah item (C1) “Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada Allah SWT di atas talian (min = 3.94),” item (C6) “Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada hari kiamat di atas talian (min = 3.94),” item (C4) “Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada kitab di atas talian (min = 3.86),” item (C5) “Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada qada’ dan qadar di atas talian (min = 3.83),” dan item (C2) “Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada malaikat di atas talian (min = 3.79).”

Responden menunjukkan minat dan komitmen yang tinggi dalam mengikuti program pengajian berkaitan akidah melalui medium atas talian (*online*) iaitu topik keimanan kepada Allah, hari kiamat dan keimanan kepada rasul. Terdapat variasi kecil antara item namun keseluruhan kekerapan responden mengikuti program pengajian berkaitan akidah adalah konsisten. Penyertaan responden dengan pengajian akidah secara atas talian dilihat agak tinggi nilai min item berbanding dengan penyertaan pengajian secara bersemuka sepertimana dapatan Jadual 6.

Jadual 7: Penyertaan Responden Mengikuti Program Pengajian Berkaitan Akidah di atas Talian (*Online*)

No.	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
C1	Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada Allah SWT di atas talian.	4 (4%)	4 (4%)	16 (16%)	46 (46%)	30 (30%)	3.94
C2	Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada malaikat di atas talian	4 (4%)	8 (8%)	17 (17%)	47 (47%)	24 (24%)	3.79
C3	Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada rasul di atas talian.	3 (3%)	7 (7%)	14 (14%)	44 (44%)	32 (32%)	3.95
C4	Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada kitab di atas talian.	4 (4%)	6 (6%)	14 (14%)	52 (52%)	24 (24%)	3.86
C5	Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada qada' dan qadar di atas talian.	3 (3%)	8 (8%)	15 (15%)	51 (51%)	23 (23%)	3.83
C6	Saya mengikuti pengajian aqidah mengenai keimanan kepada hari kebangkitan di atas talian.	4 (4%)	6 (6%)	12 (12%)	48 (48%)	30 (30%)	3.94

*Purata Min =3.88

(d) Peranan Responden dalam Memantapkan Kefahaman Akidah Anak

Berdasarkan Jadual 8, analisis menunjukkan responden memainkan pendekatan yang pro aktif dalam membantu meningkatkan kefahaman akidah anak-anak. Nilai purata min bagi konstruk ini di tahap sangat tinggi iaitu 4.40 (sangat tinggi = 4.51-5.00). Item yang nilai min tertinggi ialah (D1) iaitu “Saya sangat menekankan kepentingan akidah dalam kehidupan seharian anak-anak (min = 4.63),” Manakala item yang menunjukkan min terendah ialah (D4) iaitu “Saya menyediakan bahan bacaan dan rujukan agama seperti buku-buku, video kuliah agama dan sebagainya untuk anak-anak (min = 4.28)” Responden menunjukkan komitmen yang besar dalam menekankan kepentingan akidah sebagai asas kehidupan anak-anak, melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan harian, dan menggalakkan anak-anak menghadiri program keagamaan luar sekolah.

Jadual 8: Peranan Responden dalam Memantapkan Kefahaman Akidah Anak

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
D1	Saya sangat menekankan kepentingan akidah dalam kehidupan seharian anak-anak.	1 (1.0%)	-	4 (4.0%)	25 (25%)	70 (70%)	4.63
D2	Saya melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan dirumah bersama anak-anak seperti solat berjemaah, tadabur al-Quran, perkongsian hadis dan sebagainya	1 (1.0%)	3 (3.0%)	6 (6.0%)	40 (40%)	50 (50%)	4.35
D3	Saya sering menerangkan konsep-konsep asas akidah kepada anak-anak melalui perbualan harian.	1 (1.0%)	1 (1.0%)	8 (8.0%)	40 (40%)	50 (50%)	4.37
D4	Saya menyediakan bahan bacaan dan rujukan agama seperti buku-buku, video kuliah agama dan sebagainya untuk anak-anak.	1 (1.0%)	3 (3.0%)	8 (8.0%)	43 (43%)	45 (45%)	4.28
D5	Saya mengawasi kandungan media yang ditonton oleh anak-anak.	2 (2.0%)	3 (3.0%)	8 (8.0%)	33 (33%)	54 (54%)	4.34
D6	Saya mendorong anak-anak untuk menghadiri kelas agama atau program-program keagamaan diluar waktu sekolah.	1 (1.0%)	1 (1.0%)	8 (8.0%)	37 (37%)	53 (53%)	4.40

*Purata Min = 4.40

(e) Kefahaman Responden dalam Menghadapi Cabaran Pemikiran Semasa

Berdasarkan Jadual 9, analisis menunjukkan responden menyedari cabaran semasa yang dihadapi terhadap pendidikan anak-anak. Nilai purata min bagi konstruk ini di tahap sangat tinggi iaitu 4.05 (sangat tinggi = 4.51 – 5.00). Item yang mempunyai nilai min tertinggi ialah (E1) iaitu “Saya menyedari adanya pengaruh pemikiran semasa seperti hedonisme terhadap anak-anak (min = 4.27).” Ini menunjukkan responden amat peka terhadap ancaman budaya hedonisme dalam kehidupan anak-anak. Manakala item yang mempunyai nilai min terendah ialah (E3) iaitu “Saya merasa sukar untuk mengawal akses anak saya kepada kandungan media yang bertentangan dengan ajaran akidah Islam (min = 3.63).” Hal ini menunjukkan kekurangan pendedahan teknikal dalam penggunaan teknologi komunikasi dalam aspek kawalan kandungan dan perisian. Perkara ini dapat dilihat dalam item (E2) iaitu “Pengaruh budaya popular (seperti fesyen, gaya hidup) memberi kesan negatif terhadap pemahaman akidah anak saya” dengan nilai min (4.25) dan item (E4) “Ideologi pemikiran yang berkembang dalam talian (*online*) menyebabkan perubahan pada sikap dan pemikiran anak-anak (min = 4.15)” dan item (E5) “Perkembangan teknologi dan media sosial menyebabkan kesukaran bagi saya untuk mengawal anak-anak dari terdedah dengan cabaran pemikiran semasa (min = 3.98).” Responden menunjukkan kesedaran yang jelas mengenai ancaman seperti hedonisme, budaya popular, dan ideologi di medium *online*, yang dilihat mempengaruhi sikap dan pemikiran anak-anak. Namun keperluan golongan ibu bapa hari ini mendapat pendedahan seperti latihan teknikal dalam kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dalam aspek kesahihan dan kawalan kandungan, sepertimana dapatan kajian Siti Jamiaah (2020).

Jadual 9: Kefahaman Responden dalam Menghadapi Cabaran Pemikiran Semasa

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min
E1	Saya menyedari adanya pengaruh pemikiran semasa seperti hedonisme terhadap anak-anak.	3 (3.0%)	2 (2.0%)	8 (8.0%)	39 (39%)	48 (48%)	4.27
E2	Pengaruh budaya popular (seperti fesyen, gaya hidup) memberi kesan negatif terhadap pemahaman akidah anak saya.	4 (4.0%)	3 (3.0%)	8 (8.0%)	34 (34%)	51 (51%)	4.25
E3	Saya merasa sukar untuk mengawal akses anak saya kepada kandungan media yang bertentangan dengan ajaran akidah Islam.	9 (9.0%)	9 (9.0%)	18 (18%)	38 (38%)	26 (26%)	3.63
E4	Ideologi pemikiran yang tersebar dalam media sosial menyebabkan perubahan pada sikap dan pemikiran anak-anak.	3 (3.0%)	4 (4.0%)	6 (6.0%)	49 (49%)	38 (38%)	4.15
E5	Perkembangan teknologi dan media sosial menyebabkan kesukaran bagi saya untuk mengawal anak-anak dari terdedah dengan cabaran pemikiran semasa.	5 (5.0%)	6 (6.0%)	12 (12%)	40 (40%)	37 (37%)	3.98

Purata Min = 4.05

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa peranan ibu bapa amat signifikan dalam memantapkan kefahaman akidah anak-anak di era globalisasi dan kemajuan teknologi masa kini. Dapatan kajian membuktikan bahawa tahap penyertaan ibu bapa dalam program pengajian akidah, sama ada secara bersemuka di masjid atau melalui medium dalam talian, berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menggambarkan kesedaran yang baik dalam kalangan ibu bapa terhadap kepentingan ilmu akidah sebagai asas pembentukan keperibadian Muslim sejati. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa ibu bapa mengamalkan pelbagai pendekatan dalam mendidik anak-anak, termasuk mengadakan aktiviti keagamaan di rumah, menyediakan bahan bacaan Islamik, serta mendorong anak-anak mengikuti kelas agama. Walau bagaimanapun, cabaran pemikiran semasa seperti pengaruh hedonisme, budaya popular, dan pendedahan kepada ideologi asing melalui media sosial masih menjadi ancaman utama terhadap kefahaman akidah anak-anak. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam memastikan pendidikan akidah anak-anak sentiasa diberi keutamaan. Pemantauan yang berterusan terhadap penggunaan teknologi dan kandungan digital adalah amat penting bagi mengelakkan anak-anak terpengaruh dengan fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam. Dalam masa yang sama, pihak berautoriti seperti institusi masjid, sekolah dan agensi agama wajar memperkukuh usaha memberi bimbingan serta menyediakan ruang pembelajaran akidah yang lebih mudah diakses oleh masyarakat. Hanya dengan sinergi antara ibu bapa, institusi pendidikan dan masyarakat, kefahaman akidah yang mantap dapat dipupuk demi melahirkan generasi Muslim yang beriman, berakhlak dan berdaya tahan menghadapi cabaran dunia moden.

Rujukan

- Abd Hadi Borham & Zulkiple Abdul Ghani. 2015. Pola Pendedahan Internet dan Impaknya terhadap Kefahaman Islam dalam kalangan Ahli Akademik di UKM dan USIM. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*. 31(2), 405-421.
- Abdul Mukti Baharudin. 2017. Surah-Surah Makyyah Asas Keutuhan Akidah Ummah. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD 2017). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Ahmad Nadzim, N., Noraziah, N., & Sahad, M. N. 2016. Pendidikan Akidah terhadap Anak-Anak: Cabaran Ibu Bapa dalam Perkembangan Sains dan Teknologi Masa Kini. Kertas kerja Seminar Islam dan Sains Kebangsaan, Universiti Utara Malaysia.
- Al-Jaza'ri, Abu Bakr Jabir. t.th. *Al-Aqidah al-Mu'min*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Hamjah, S. H., Zur Raffar, I. N. A., Rahman, Z. A., & Rasit, R. M. 2020.. Applying Spiritual Aspect of Parenting Skills to Adolescents in the Family. *Afkar: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 22(2), 314–346.
- Masithoh, A. D. 2019. Teaching Islamic Education in Early Childhood by Instilling Values: Islamic Aqidah. *Golden Age: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 3(2), 22–30.
- Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid, & Kartini Abd Wahab. 2016. Melahirkan Warga yang Berketerampilan Bahasa: Kajian Hubungan antara Pengetahuan dengan Amalan Komunikatif dalam kalangan Guru Bahasa Melayu. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9), 32–45.
- Mohamad Maliki Ali, Maimun Aqsha Lubis & Mohd Aderi Che Noh. 2018. Keberkesanan Pengajaran Kurikulum Akidah dalam Pendidikan Islam Berasaskan Kemahiran Berfikir Analitikal di Sekolah Menengah. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 2(1) 15-34.
- Shamilatul Sufia Abdullah & A'dawiyah Ismail. 2022. Kebimbangan dan Peranan Ibu dalam Menjaga Akidah dan Akhlak Anak-Anak dalam Era Digital. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 195–207.
- Siti Jamiaah Abdul Jalil, Nurfarahain Abu Bakar & Juwairiah Hassan. 2020. Pengawalan Ibu Bapa Berkerjaya Terhadap Penggunaan Gajet Dalam Kalangan Kanak-Kanak: Satu Kajian Kes. *e-Prosiding Bicara Dakwah Kali Ke 21*. Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Syah Rizal & Hamdi Ishak. 2016. Peranan Ibu Bapa terhadap Remaja dalam Keibubapaan Islam. *Fikiran Masyarakat*, 4 (2) 100-104.
- Zakaria Stapa & Mohamed Asin Dollah. 2001. *Islam: Akidah dan Kerohanian*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.